

# Ahli Umno perlu atasi masalah cara muafakat

KUANTAN, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri ~~Dr. Mahathir Mohamad~~ meminta ahli-ahli Umno supaya menghadapi cabaran dan isu yang berbangkit dengan tenang dan menyelesaikannya dengan teliti secara bermuafakat sesama sendiri.

Beliau yakin segala masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan jayanya melalui kerjasama semua ahli.

Katanya, cabaran dan sesuatu isu berkait rapat dengan etika berpolitik, kedudukan ekonomi dan masa depan bangsa serta beberapa kepentingan yang diperjuangkan oleh Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demi-

kian dalam kata-kata aluan sambutan sempena konvensyen keempat Umno negeri Pahang yang berlangsung esok.

Konvensyen itu dijangka dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam di Maktab Perguruan Kuantan di sini jam tiga petang.

Katanya, Umno berjaya menghadapi pelbagai masalah dari masa ke masa bagi memastikannya tetap utuh dan keutuhannya itu yang membolehkannya memperjuangkan banyak kepentingan dengan jayanya.

Perdana Menteri berkata masalah-masalah yang dihadapi juga telah membalkan ketahanan ahli-ahli Umno.